

07 JAN 1997

Ramly-PPN

PPN TERLIBAT DALAM PELBAGAI PROJEK PERTANIAN DI PERAK TAHUN INI

IPOH, 7 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Kawasan (PPK) di negeri ini akan terlibat secara aktif dalam pelbagai projek pertanian yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri terutamanya untuk projek tanaman herba.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Encik Ramly Zahari berkata PPN akan menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak untuk membangunkan secara bersama projek perintis tanaman herba di daerah Batang Padang.

Sebagai permulaan, projek yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan menanam pokok-pokok herba untuk tujuan ubat-ubatan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat baru PPK Bota/Lambor dekat sini hari ini.

Perak dan Selangor dipilih untuk menjalankan projek perintis itu.

Ramly berkata projek yang meliputi kawasan 500 hektar itu akan dibangunkan melalui pinjaman Bank Pertanian, sementara kerajaan pusat memperuntukkan RM2 juta sebagai kos pembangunan infrastrukturnya untuk tempoh lima tahun.

Sementara itu, PPK juga akan terlibat sepenuhnya dengan program satu produk satu mukim tahun ini yang antara lain bertujuan mempertingkatkan taraf pendapatan petani dan penduduk kampung serta meningkatkan kualiti produk kampung dan pertanian supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Ramly berkata pegawai-pegawai daerah telah diminta mengemukakan kertas cadangan mengenai barangan yang boleh dihasilkan oleh daerah masing-masing sebelum Mei ini dan Unit Perancang Ekonomi Negeri pula akan diminta menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengenalpasti produk yang akan diperkenalkan di setiap mukim serta memastikan ia dapat bertahan dan menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata kebanyakan produk yang dikeluarkan sebelum ini hanya dapat bertahan untuk jangka waktu yang singkat walaupun permintaan untuknya meningkat.

Anggota PPK negeri kini seramai 72,701 orang dengan 98.4 peratus keluarga tani menyertainya dan jumlah saham kira-kira RM5 juta, katanya. -- BERNAMA.

HK SN